

4.0 VISI DAN PRINSIP DASAR PERBANDARAN NEGARA KEDUA

BAB 4.0: VISI DAN PRINSIP DASAR PERBANDARAN NEGARA KEDUA

Visi DPN2 adalah seperti berikut -

VISI

Bandar Yang Mampan Untuk Kesejahteraan Rakyat

Bagi mencapai visi ini, lima (5) prinsip telah digariskan untuk membentuk strategi dan tindakan-tindakan yang akan diambil. Prinsip-prinsip ini adalah penting bagi memastikan semua agensi dan organisasi yang terlibat di dalam melaksanakan DPN2 ini memahami hala tuju DPN2.

Lima (5) prinsip utama DPN2 adalah -

PRINSIP 1: Tadbir Urus Bandar Yang Baik

PRINSIP 2: Bandar Yang Berdaya Huni

PRINSIP 3: Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing

PRINSIP 4: Pembangunan Bandar Yang Inklusif dan Saksama

PRINSIP 5: Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih

DPN2 mempunyai 113 tindakan yang perlu dilaksanakan bagi mencapai 62 strategi dan 36 objektif. DPN2 ini juga mengandungi indikator serta pengukuran bagi setiap tindakan untuk menilai pencapaiannya.

Bagi setiap prinsip, objektif dan strategi dibentuk serta diperincikan dengan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan berdasarkan keutamaan. Ini dijangka akan memudahkan agensi pelaksana melaksanakan tindakan-tindakan yang dicadangkan.

Rajah 4.1: Ringkasan Bilangan Prinsip, Objektif, Strategi dan Tindakan Dalam DPN2



CIRI-CIRI TADBIR URUS BANDAR YANG BAIK

- i. Berasaskan prinsip agama;
- ii. Kejujuran dan keikhlasan;
- iii. Semangat bekerjasama;
- iv. Bijaksana dan berwawasan;
- v. Berorientasikan pihak berkepentingan;
- vi. Bertanggungjawab;
- vii. Berpengetahuan dan mahir berkomunikasi;
- viii. Responsif;
- ix. Saksama dan inklusif;
- x. Efektif dan efisien;
- ix. Mematuhi undang-undang; dan
- xi. Berintegriti dan telus

OBJEKTIF-OBJEKTIF

- i. Pelaksanaan DPN2 Secara Efektif;
- ii. Penentuan Sempadan Bandar;
- iii. Penerapan Nilai-Nilai Akauntabiliti Dan Integriti Di Dalam Perancangan, Pembangunan Dan Pengurusan Bandar Ke Arah Pembangunan Mampan;
- iv. Pengurusan Aset Secara Efisien Dan Sistematik
- v. Penglibatan Masyarakat Dalam Projek Dan Program Pembangunan;
- vi. Pengukuhan Komunikasi Dan Kerjasama Yang Bersepadu Di Kalangan Semua Agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, PBT Dan Badan Berkanun;
- vii. Pelaksanaan Program LA21 Dan Inisiatif Mampan Yang Lebih Efektif; dan
- viii. Pemerkasaan PBT Dari Aspek Fizikal Dan Penyampaian Perkhidmatan.

4.1 Prinsip 1: Tadbir Urus Bandar Yang Baik

Tadbir urus bandar yang baik adalah pra-syarat kepada pewujudan bandar yang berdaya huni, selamat dan berdaya saing. Kecekapan perkhidmatan yang disediakan m e n y e b a b k a n pertumbuhan ekonomi yang sihat di sesebuah bandar. Tadbir urus bandar yang baik akan memastikan penggunaan sumber di sesebuah bandar digunakan secara optimum dan berkesan, di samping memberi perkhidmatan bandar yang cepat dan efisien.

PBT sebagai agensi utama bertanggungjawab ke atas perancangan, pembangunan dan pengurusan bandar hendaklah sentiasa berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaiannya supaya selari dengan kehendak komuniti. PBT perlu sentiasa mengadakan kerjasama yang berterusan dengan komuniti agar pandangan mereka mudah disampaikan dan dibincangkan untuk kesejahteraan mereka.



Bangunan Perdana Putra, Putrajaya

4.2 Prinsip 2: Bandar Yang Berdaya Huni

Jumlah penduduk di bandar-bandar yang semakin meningkat menyebabkan kerajaan perlu merancang agar setiap bandar berkeadaan selesa, aman dan lengkap dengan kemudahan komuniti seperti klinik, sekolah, dewan orang ramai serta persekitaran yang selamat. Selain itu, dalam keadaan dunia tanpa sempadan pada masa ini, sesebuah bandar hendaklah dilengkapi dengan kemudahan telekomunikasi yang terkini bagi membolehkan kegiatan ekonomi mahupun sosial dapat dilaksanakan dengan mudah dan cepat.

Bandar yang dilengkapi dengan kemudahan asas, infrastruktur, sistem pengangkutan yang baik, kejiranan yang selesa, keselamatan yang terjamin dan persekitaran yang bersih adalah sebuah bandar yang berdaya huni. Sehubungan itu, Pihak Berkuasa Negeri, PBT dan agensi yang terlibat perlu mengambil tindakan yang wajar ke arah membekalkan kediaman yang mampu dimiliki oleh semua lapisan rakyat dan penyediaan aktiviti kejiranan yang sesuai ke arah membentuk masyarakat yang sihat dan bersatu padu.

CIRI-CIRI BANDAR YANG BERDAYA HUNI

- i. Lengkap;
- ii. Selamat;
- iii. Mampu tanggung;
- iv. Beridentiti dan menarik;
- v. Sihat;
- vi. Integrasi sosial; dan
- vii. Berdaya tahan

OBJEKTIF-OBJEKTIF

- i. Penyediaan Rumah Mampu Milik Yang Mencukupi, Berkualiti Dan Komprehensif Untuk Semua Lapisan Masyarakat;
- ii. Tangani Peningkatan Kos Sara Hidup;
- iii. Pemerkasaan Sistem Pengangkutan Awam Yang Komprehensif, Mampan, Bersepadu, Efisien Dan Mampu Tanggung;
- iv. Perkhidmatan Infrastruktur, Utiliti Dan Kemudahan Perbandaran Yang Efisien Dan Bersepadu;
- v. Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Yang Selamat Dan Beridentiti;
- vi. Peningkatan Gaya Hidup Sihat Dan Rendah Karbon;
- vii. Akses Yang Menyeluruh Kepada Kemudahan Kesihatan Yang Berkualiti;
- viii. Masyarakat Bandar Yang Bersatu Padu, Penyayang Dan Prihatin;
- ix. Persekitaran Bandar Yang Selamat; dan
- x. Pengurusan Risiko Bencana Yang Komprehensif.



Taman Tema Air, KLCC



CIRI-CIRI EKONOMI BANDAR YANG BERDAYA SAING

- i. Menarik pelaburan;
- ii. Produktif;
- iii. Pemusatan ekonomi;
- iv. Pembangunan modal insan;
- v. Aglomerasi; dan
- vi. Inovatif dan penyelidikan berterusan

OBJEKTIF-OBJEKTIF

- i. Peningkatan Daya Saing Dan Kepadatan Ekonomi Bandar;
- ii. Peningkatan Produktiviti Modal Insan;
- iii. Penyediaan Sistem Komunikasi Yang Cepak dan Efektif;
- iv. Penggunaan Tanah Wakaf, Tanah Rizab Melayu Dan Tanah Adat Dalam Bandar Yang Optimum;
- v. Pengintegrasian Perancangan Pembangunan Kampung Dalam Bandar; dan
- vi. Penggunaan Kawasan "Brownfield" Yang Optimum.

4.3 Prinsip 3: Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing

Bandar memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Pada masa ini, bandar bukan sahaja perlu berdaya huni tetapi juga perlu berdaya saing iaitu berupaya menarik pelaburan asing. Bandar yang berdaya saing perlu mampu meningkatkan keupayaan dan kedudukannya sebagai sebuah lokasi pelaburan strategik yang mempunyai keberkesanan kos bagi menggalak dan membantu membangunkan firma-firma yang berdaya saing. Keadaan ini akan meningkatkan prestasi yang baik daripada segi faedah ekonomi.

Bandar yang berdaya saing juga boleh menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan firma dan institusi yang dapat meningkatkan produktiviti negara, di samping mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan. Sehubungan itu, agensi berkaitan dan PBT hendaklah memastikan bandar-bandar di Malaysia dilengkapi dengan teknologi terkini dan kemudahan logistik yang efektif.



Maybank, Jalan Tun H.S Lee

4.4 Prinsip 4: Pembangunan Bandar Yang Inklusif dan Saksama

Inklusif bermaksud semua usaha pembangunan boleh dinikmati oleh semua lapisan masyarakat iaitu dari segi umur, etnik, jantina, status sosio-ekonomi, taraf pendidikan dan agama. Manakala saksama pula merujuk kepada keadaan yang mana semua lapisan masyarakat mempunyai hak dan peluang yang sama untuk melibatkan diri dalam pembangunan ekonomi mahupun pembangunan fizikal dan sosial.

Penduduk tanpa mengira lokasi dan kedudukan sosio-ekonomi hendaklah berpeluang menikmati akses yang saksama kepada infrastruktur dan kemudahan asas. Ini akan melahirkan masyarakat yang lebih progresif dan inklusif seiring dengan semangat 1Malaysia.

CIRI-CIRI PEMBANGUNAN BANDAR YANG INKLUSIF DAN SAKSAMA

- i. Semua golongan dan lapisan masyarakat mempunyai hak, peluang dan faedah yang sama dalam mendapatkan kemudahan pendidikan, kesihatan dan lain-lain kemudahan sosial;
- ii. Faedah pembangunan ekonomi diagihkan secara saksama kepada semua lapisan masyarakat; dan
- iii. Pembangunan fizikal yang menyeluruh dan saksama bagi setiap golongan masyarakat.

OBJEKTIF-OBJEKTIF

- i. Tumpuan Program Yang Khusus Untuk Kebajikan Isi Rumah B40;
- ii. Peningkatan Pendapatan Isi Rumah B40;
- iii. Penglibatan Bumiputera Dalam Pembangunan Ekonomi;
- iv. Peningkatan Keupayaan Golongan Belia Untuk Menyumbang Dan Menerima Faedah Pembangunan Bandar; dan
- v. Penyediaan Keperluan Golongan Warga Emas Dan Orang Kurang Upaya (OKU) Dalam Pembangunan Bandar Yang Pelbagai.



CIRI-CIRI PEMBANGUNAN HIJAU DAN PERSEKITARAN BERSIH

- i. Penggunaan teknologi hijau dalam pengurusan sumber;
- ii. Pengurusan alam sekitar dan sisa pepejal yang mampan; dan
- iii. Penyediaan persekitaran kejiranan yang selamat, bersih dan selesa dengan gaya hidup rendah karbon.

OBJEKTIF-OBJEKTIF

- i. Penerapan Elemen Hijau Dalam Pembangunan Bandar;
- ii. Penggunaan Tenaga Yang Lebih Efisien Dan Mampan;
- iii. Peningkatan Kualiti Gaya Hidup Sihat Dan Udara Yang Bersih Dalam Bandar;
- iv. Pengurusan Badan Air Yang Efisien Dan Mampan;
- v. Penambahan Saiz, Kualiti Dan Bilangan Kawasan Lapang;
- vi. Penambahan Saiz Dan Kualiti Kawasan Hijau; dan
- vi. Pengurusan Sisa Pepejal Yang Efektif Bagi Memastikan Bandar Yang Bersih.

4.5 Prinsip 5: Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih

Malaysia telah berikrar untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon sehingga 45% menjelang 2030. Selaras dengan ini, Putrajaya dan Cyberjaya telah dipilih sebagai pelopor kepada bandar berteknologi hijau di negara ini. Antara inisiatif kerajaan untuk menerapkan pembangunan hijau adalah kewujudan kejiranan hijau yang berfokuskan kepada gaya hidup rendah karbon seperti penggunaan pengangkutan awam, berbasikal, reka bentuk bangunan rendah karbon dan kebun komuniti.

Pembangunan hijau akan memastikan persekitaran yang selesa dan iklim yang sihat, manakala konsep kebun komuniti akan menggalakkan kerjasama yang erat di kalangan penduduk di kejiranan berkaitan. Selain itu, pembangunan hijau akan dapat mengawal penggunaan tenaga yang lebih mampan dan efisien.



Taman Metropolitan, Kepong

